

HALAMAN KOTA

BH
2/2/17
ms 12



Kementerian perlu lebih tumpukan kepada kenderaan berat seperti lori daripada masuk ke Kuala Lumpur seperti disarankan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Cadangan

melarang kenderaan berat masuk ke pusat bandar itu ada logiknya”

Ajit Jahl,
Presiden Persatuan Pengguna Pengangkutan Awam Malaysia

**Fakta
nombor**

11 JAM

Hutan Lipur Bukit Nanas dibuka untuk kunjungan dari 7 pagi-6 petang, tanpa bayaran



Kepesatan pembangunan Kuala Lumpur menyebabkan sesetengah kawasan kurang penghijauan. Jadi, kerajaan dan badan bertanggungjawab seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu seimbang dalam melaksanakan pembangunan dan penghijauan bandar”

Isran Kasyo,
Kontraktor



di Hutan Lipur Bukit Nanas - Denai Arboretum, Denai Penarahan, Denai Merbau-Jelutong



Perkhidmatan MRT antara pengangkutan awam yang mampu menjadikan Kuala Lumpur bandar raya rendah karbon.

Pengangkutan awam bantu wujud bandar rendah karbon

Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hazani dan Nurul 'Aniqah Sazale
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan disaran mengkaji semula kadar tambang pengangkutan awam di ibu negara yang agak tinggi ketika ini dan menjadi antara punca perkhidmatan itu tidak digunakan sepenuhnya oleh warga kota.

Presiden Persatuan Pengguna Pengangkutan Awam Malaysia, Ajit Johl, berkata kenaikan tambang yang begitu mendadak baru-baru ini juga menyebabkan masih ramai kurang berminat menggunakannya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan penubuhan Jawatankuasa Kenaikan Tarif Pengangkutan Awam yang dianggotai pengusaha perkhidmatan itu, penguat

kuasa dan wakil pengguna bagi mengkaji kadar tambang dan menentukan sebarang kenaikan harga.

"Persatuan percaya jawatankuasa itu yang boleh diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan dapat membantu mengawal kenaikan tambang. Malah, secara langsung ia dapat meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga kota," katanya.

Boleh bantu merealisasikan

Katanya, cadangan itu juga boleh membantu merealisasikan usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menjadikan Kuala Lumpur bandar raya rendah karbon.

Kementerian berkenaan juga, katanya, boleh menguatkuasakan semula laluan bas dan teksi dengan kawalan penuh selain bekerjasama dengan polis agar kenderaan persendirian yang menggu-

➔ Jawatankuasa khas kaji tambang, kuat kuasa semula laluan bas, teksi



Mengalu-alukan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan pencemaran karbon di Kuala Lumpur. Penggunaan sepenuhnya pengangkutan awam dapat membantu mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalan ”

Nur Zahrah Hashim,
Guru

BH
2/2/17
ms 13



Apa yang harus dilihat ialah kesan utama protokol ini terhadap masyarakat kerana Lembah Klang mempunyai jumlah kenderaan di atas jalan yang tertinggi di negara kita berbanding kawasan lain. ”

Mohd Shahir Shahin,
Kakitangan swasta

[FOTO ROSELA ISMAIL, SADDAM YUSOF, ABDULLAH YUSOF DAN SAIRIEN NAFIS/BH]



nakan laluan itu dikenakan tindakan sewajarnya.

“Ia juga dapat meyakinkan pengguna dapat tiba di destinasi yang dituju tepat pada anggaran masanya. Ini kerana, pengangkutan awam tidak menggunakan laluan sama dengan kenderaan persendirian terutama pada waktu puncak,” katanya.

Mengenai cadangan melarang motosikal masuk ke pusat bandar raya, Ajit berkata, cadangan itu bukan kaedah berkesan untuk mengurangkan pelepasan karbon.

“Sebaliknya, kementerian perlu lebih tumpukan kepada kenderaan berat seperti lori daripada masuk ke Kuala Lumpur seperti disarankan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Cadangan melarang kenderaan berat masuk ke pusat bandar itu ada logiknya,” katanya.



Taman KLCC mampu mengurangkan pencemaran karbon di Kuala Lumpur,